308

Hari Jumaat
26 Oktober 2001

NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH

PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
MESYUARAT YANG KEDUA

15 OKTOBER 2001 HINGGA 28 NOVEMBER 2001

DIKELUARKAN OLEH
UNIT DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG

Hari Jumaat
26 Oktober 2001

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEPULUH

PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Kandungan	Muka Surat
SAMBUNGAN PENGGULUNGAN USUL PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN PULAU PINANG PSDP2	3
Penggulungan Usul Pelan Strategik Pembangunan Pulau Pinang PSDP2 oleh Ahli Kawasan Tanjung Bunga – Y.A.B. Ketua Menteri	3

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL KETIGA

Hari Jumaat : ***26 Oktober 2001***

(Tempat : ***Dewan Undangan Negeri,***
Lebuh Light, Pulau Pinang.

HADIR

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid) - Dato' Speaker
Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) – Ketua Menteri
Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya) – Timbalan Ketua Menteri
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Khalid bin Ramli)
Penasihat Undang-Undang Negeri (Dato' Alizatul Khair bt. Osman Khairuddin)
Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Encik Abdul Hanan bin Alang Endut

" Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah)
" Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
" Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan)
" Telok Ayer Tawar (Y.B. Puan Jahara bt. Hamid)
" Paya Terubong (Y.B. Dr. Loh Hock Hun)
" Berapit (Y.B. Encik Lau Chiek Tuan)
" Bagan Jermal (Y.B. Dato' Dr. Sak Cheng Lum)
" Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow)
" Bayan Lepas (Y.B. Encik Lim Chien Aun)
" Sungai Bakap (Y.B. Encik Lai Chew Hock)
" Bertam (Y.B. Encik Hilmi bin Haji Abdul Rashid)

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik)
" Bukit Tengah (Y.B. Puan Ng Siew Lai)
" Sungai Dua (Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed)
" Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang)
" Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang)
" Kampong Kolam (Y.B. Encik Lim Gim Soon)
" Air Itam (Y.B. Encik Lye Siew Weng)
" Permatang Berangan (Y.B. Encik Abd. Roni bin A. Hasan)
" Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang)
" Seberang Jaya (Y.B. Dr. Radin Muhamad Amin bin Radin Haji Hadi Munir)
" Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir)
" Permatang Pasir (Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman)
" Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang)

TIDAK HADIR

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen)
" Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)
" Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah
" Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon)
" Telok Kumbar (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Haji Syed Ahmad)
" Sungai Puyu (Y.B. Encik Loo Ah Dee @ Lee Ah Lee)

TURUT HADIR

Encik Kasim bin Md. Isa – (Setiausaha Dewan Undangan Negeri)

Dewan disambung semula pada jam 9.30 pagi.

Doa.

SAMBUNGAN UCAPAN MENGGULUNG PSDP2

Dato' Speaker :

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Kita sampai ke peringkat akhir penggulungan. Saya dengan hormatnya mempersilakan Y.A.B. Ketua Menteri untuk menggulung.

Ketua Menteri :

Dato' Speaker, dalam ucapan saya pada 16 Oktober 2001 semasa saya membentangkan Pelan Strategik Pembangunan Pulau Pinang saya mengalu-alukan pandangan positif dan kritikan yang membina dan kebanyakan ADUN memberi ucapan semasa perbahasan dengan memberi pandangan yang bernas dan berguna. Oleh itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ADUN yang bersikap begitu positif ini dan pandangan-pandangan ini memang akan diambilkira, di mana yang perlu akan dibuat pengubahsuaian dan pindaan kepada deraf pelan strategik ini supaya menjadi panduan untuk perancangan strategik untuk tempoh 10 tahun yang akan datang. Kebanyakan daripada soalan-soalan dan kritikan-kritikan yang telah ditimbulkan telah dijawab dengan tepatnya oleh rakan-rakan sejawat saya dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Oleh itu saya tidak berhasrat untuk mengulangi apa yang telah dijawab itu yang mewakili pandangan kerajaan negeri secara kolektif berdasarkan kepada tanggungjawab kolektif atau dengan izin *collective responsibility.* Saya cuma merasa kesal walaupun kebanyakan memang agak positif, ada juga yang bersikap tidak begitu betul yang membuat tuduhan yang bukan-bukan yang tidak berasas mengambil kesempatan untuk mencari publisiti misalnya Ahli dari Batu Lancang membangkitkan isu 3 orang ADUN yang kononnya mengelak bayaran cukai dan telah dilarang keluar daripada negara. Isu ini sememangnya tidak berasas dan di dalam ucapan beliau mendesak saya supaya mengumumkan nama 3 Ahli Dewan ini tanpa mengkaji dan memahami apakah peruntukan undang-undang mengenai cukai ini di mana maklumat mengenai cukai dan pendapatan seseorang itu dirahsiakan dan cuma Ketua Pengarah yang berkenaan berhak untuk membuat apa-apa pengumuman.

Oleh itu adalah tidak tepat untuk membuat desakan itu dan lebih lagi untuk membuat ancaman di dalam Dewan ini "jikalau Ketua Menteri enggan memberitahu nama-nama yang terlibat, maka saya terpaksa melaporkan kes ini kepada pihak polis atau Badan Pencegah Rasuah Pulau Pinang." Sememangnya ancaman ini adalah tidak tepat sekali sebab kalau tidak ada kes, tidak ada nama bagaimana dapat melaporkan kepada pihak polis. Adakah Ahli Batu Lancang bercadang untuk melaporkan saya kerana saya tidak dapat memberi nama 3 orang ahli yang kononnya mengelakkan bayaran cukai ini. Oleh itu Ahli Batu Lancang nampaknya macam *loose cannon* tembak sini, tembak sana dan ini kena buat show sahaja sebab lepas itu dapat tunjuk muka dia dalam surat khabar *front page.* Saya memang tidak bersetuju dengan sikap seumpama ini yang keluar daripada perbahasan pelan strategik.

Dato' Speaker:

Laluan, Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Penjelasan.

Ketua Menteri:

Okey, saya beri laluan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Tadi Y.A.B. Ketua Menteri telah memberitahu Dewan ini mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Batu Lancang dan Ahli Batu Lancang sepertimana yang dikatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri telah mendapat manfaat daripada membuat tuduhan yang tidak berasas ini, manfaat dari menjadi seorang wira dalam surat khabar dan letakkan kami semua dalam keadaan yang mendatangkan syak wasangka pada pihak kami sebagai Ahli Dewan ini. Saya lihat perbahasan beliau pada hari itu di mana beliau mengatakan dakwaan beliau itu adalah berasaskan kepada laporan akhbar dan saya juga memang sedia maklum setelah saya dan rakan-rakan saya membuat sidang akhbar mengenai kedudukan pembayaran cukai kami, ini adalah berasaskan kepada satu laporan dalam The Star pada 10 Oktober yang memetik Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri yang berkata demikian tetapi Dato' Speaker, apa yang saya rasa kurang senang ialah sebagai ahli yang terpilih kita tidak membuat pengesahan atau *verification* atau pun kita tidak membuat penyiasatan lanjut dengan menggunakan laporan-laporan dalam akhbar untuk membuat satu tuduhan dalam Dewan ini yang memberikan kita perlindungan dari segi undang-undang.

Untuk dihadapkan ke mahkamah. Saya percaya jika kita berpandukan kepada laporan akhbar, pihak akhbar juga mempunyai satu tanggungjawab untuk mengesahkan perkara ini.

Laporan akhbar The Star disiarkan pada 10 hb. Oktober tetapi The Star hanya membuat satu penjelasan iaitu pada laporan semalam, 25hb. lima belas hari selepas perkara itu disiarkan mereka membuat satu laporan kecil "*error regretted in our report on October 10, we inadvertenly quoted Inland Revenue Board Director General Datuk Zainal Abidin Abdul Rashid as saying that three Assemblymen in Penang were among 131 tax dodgers. We regret the error.*" Yang ini disiarkan begitu kecil walhal perkara mengenai tiga Ahli Dewan Undangan Negeri yang tidak membayar disiarkan agak besar dan ini menjejaskan imej kita sebagai ahli yang terpilih dan semalam Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri telah membuat satu kenyataan akhbar, malangnya saya dimaklumkan pagi ini bahawa akhbar tidak menyiarkan langsung laporan ataupun kenyataan akhbar dan saya meminta izin Dato' Speaker untuk membaca ini sebab saya rasa ini adalah satu perkara yang penting yang perlu kita maklumkan kepada akhbar The Star bahawa adalah menjadi tanggungjawab dalam kebebasan akhbar ada tanggungjawab yang perlu dipikul.

Dalam kenyataan akhbar Ketua Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Dato' Zainol Abidin Abdul Rashid mengatakan bahawa; "Beliau mengesahkan bahawa beliau tidak membuat sebarang kenyataan yang menyebut tiga Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di antara 131 pelari cukai di dalam satu sidang akhbar yang di adakan pada 8 Oktober di cawangan Bukit Mertajam." Sidang media ini telah dihadiri oleh tiga orang wakil media dan pihak The Star tidak hadir pada persidangan media tersebut. Laporan berkaitan persidangan media tersebut telah disiarkan pada 9 Oktober di akhbar The Sun dan Harian Metro. Dato' Zainol tidak bertemu lagi pihak media selepas itu atau bercakap secara peribadi dengan wartawan The Star selepas 8 Oktober 2001. Laporan bertajuk "*Three Assemblymen among 131 tax dodgers* pada 10 Oktober muka surat 15 akhbar The Star yang memetik ucapan Ketua Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Dato' Zainal Abidin Abdul Rashid adalah tidak benar sama sekali. Kenyataan media yang dikeluarkan semasa sidang akhbar dikepilkan untuk perhatian tuan." Ini kenyataan yang dikeluarkan tetapi tidak disiarkan, tidak dibuat satu kedudukan ataupun *regret statement* yang melambangkan kekesalan pada pihak akhbar The Star dalam menyiarkan satu laporan yang tidak berasas yang menjejaskan imej semua ahli yang dipilih dalam Dewan ini.

Jadi Dato' Speaker dalam aspek ini The Star bernasib baik, saya tidak menuju kritikan ini kepada pemberita-pemberita, saya menujukan kepada akhbar The Star bahawa mereka bernasib baik laporan ini dibuat di luar Dewan kalau laporan ini mengenai *proceeding* Dewan saya berharap Dato' Speaker dalam peraturan Dewan ini perkara yang ke 13 Dato' Speaker mempunyai kuasa kalau dalam persidangan Dewan, perjalanan Dewan ada laporan yang kurang adil kebenaran diboleh dibatalkan untuk mereka membuat laporan tetapi mereka bernasib baik kerana isu ini mereka buat laporan di luar tetapi dipetik oleh Ahli Batu Lancang untuk dijadikan asas bagi membuat satu tuduhan bagi semua ahli dalam Dewan ini. Jadi saya berharap ahli Batu Lancang perlu mempunyai keberanian untuk meminta maaf kepada ahli-ahli yang mana telah beliau membuat tuduhan yang liar ini. Terima kasih Dato' Speaker....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Penjelasan.

Dato' Speaker:

Laluan, Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Dato' Speaker, yang pertama saya sebagai ahli wakil rakyat bertanggungjawab untuk membawa perkara ini kepada Dewan kerana surat khabar ini tidak catitkan nama, oleh sebab saya tidak menuduh siapa-siapa ADUN juga, saya hanya mengeluarkan berita ini kepada Ketua Menteri supaya dia memberitahu Dewan ini siapa yang membayar cukai ini, saya tidak menuduh siapa namanya oleh sebab saya tidak menuduh siapa-siapa ADUN juga, saya hanya mengeluarkan berita ini kepada Ketua Menteri supaya dia memeritahu Dewan ini siapa yang membayar cukai ini, saya tidak menuduh siapa-siapa dalam ucapan saya. Kalau Y.B. Ahli Padang Kota kata saya menuduh siapa-siapa ahli Dewan, ini memang tidak benar.

Yang kedua, Ketua Menteri kata saya mengambil kesempatan ini untuk publisiti. Saya ingat saya juga mahu memberitahu Ketua Menteri, hari yang kedua atau hari yang sama juga Ketua Menteri juga mengatakan bahawa dia tidak tahu mengenai perkara ini dan berita ini juga mengambil kesempatan keluar dalam surat khabar dan adakah Ketua Menteri kata bahawa gambar Ketua Menteri tidak disiar dalam *front page* dia kesal? Kerana *front page* bukan saya seorang saja, Y.B. Jawi ada, Y.B. Kampong Kolam ada, EXCO Paya Terubong juga ada, mengapa kata saya saja ditunjuk dalam *front page*, ini tidak adillah.

Yang lagi satu ADUN Kebun Bunga kata kerana isu ini telah *cover other issue* itu juga tidak benar kerana isu-isu mengenai Kebun Bunga tentu ada dalam surat khabar dan ucapan Ketua Menteri juga disiar dalam surat khabar kenapa cakap saya ambil kesempatan? ....(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan):

Bilakah saya cerita isu ini *cover* isu lain, apa cerita itu saya tidak faham.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Isu-isu mengenai apa yang dicakap oleh Kebun Bunga juga ada disiarkan dalam surat khabar dan jangan cakap saya mengambil isu ini, mengambil beberapa muka surat khabar *cover* isu Kebun Bunga, ini tidak adil.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Persoalan pokoknya ialah Y.B. menggunakan isu ini sebagai satu publisiti dan dengan itu diberi satu *coverage* yang luas di dalam akhbar-akhbar Cina, itu persoalannya, bukan persoalan ...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Saya belum habis lagi. Dato' Speaker, saya belum bagi jalan lagi, saya belum habis ucapan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Baik, saya boleh duduk, Y.B. nanti bagi jalan saya.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Bukan saya yang bagi jalan, Ketua Menteri yang bagi jalan. Sebab itu saya bertanggungjawab hendak *clear image* Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, kalau isu ini tidak disiar dalam surat khabar memang saya tidak mengambil kesempatan ini untuk membuat publisiti saja sebab Ketua Menteri kena tanya *Director General of Inland Revenue* mengapa keluar *statement* ini bukan tunggu sampai lima hari baru mari cakap.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Boleh minta penjelasan.

Dato' Speaker:

Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Terima kasih Dato' Speaker. Tadi saya telah katakan kepada Ahli Batu Lancang bahawa persoalan pokoknya ialah bukan sama ada Ahli Batu Lancang atau pun mana-mana ahli dalam Dewan ini mendapat *coverage* di muka surat pertama, tetapi isunya ialah, persoalan pokoknya ialah menggunakan isu ini untuk mendapat publisiti, itu persoalan yang dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, kalau Y.B. Batu Lancang tidak faham, saya minta dia faham bahawa ada dua perkara yang berlainan di mana *coverage* di surat khabar dengan menggunakan isu ini untuk menjadi wira, untuk menjadi wira ada harganya *there's a price to pay even to become a hero* kalau hendak jadi *hero* ini dia, kesannya ialah bahawa beliau mesti bertanggungjawab kepada apa yang disebutkan dalam Dewan ini. Beliau berkata beliau bertanggungjawab untuk membawa masuk perkara ini dalam Dewan untuk menjaga imej Dewan ini, beliau juga perlu bertanggungjawab ke atas bahan-bahan yang dibawa, tuduhan-tuduhan yang dibawa supaya ianya mempunyai asas. Ini adalah tanggungjawab seorang pemimpin untuk membawa satu perkara ke dalam Dewan dengan mempunyai asas bukan membuat satu dakwaan yang liar. Dia kata dia tidak mengatakan sesiapa tetapi dalam ucapan dia, dia kata kita sedia maklum, saya petik daripada *hansard* kenyataan Ahli Batu Lancang, "Kita sedia maklum bahawa sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kita memang tidak dikenakan cukai. Bagi tiga ADUN yang tidak membayar cukai tentunya mereka mempunyai pendapatan yang lain selain daripada elaun ADUN seperti pendapat daripada perniagaan atau sebagai Pengarah di mana-mana syarikat". Ini jelas beliau membuat satu tuduhan ke atas semua ahli dalam Dewan ini. Jadi oleh sebab itu apa yang saya sebut ialah beliau perlu bertanggungjawab kepada apa yang disebutkan dalam Dewan ini dan apa yang dibawa ke dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Penjelasan.

Dato' Speaker:

Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Isu ini pada pandangan saya ada kesilapan tiga pihak. Yang pertama *Director General of Inland Revenue* yang mengeluarkan kenyataan, kalau dia tidak keluarkan kenyataan ini mesti ditarik balik dengan secepat mungkin dengan hitam putih dan di hadapan semua *press,* dia tidak buat sebegitu, dua minggu selepas itu baru buat *clarification* penjelasannya. Ini adalah *inefficiency* pihak birokrasi *Inland Revenue*, ini yang pertama, mesti buat sesuatu *investigation* tentang bagaimana ini boleh dikeluarkan daripada pihak itu.

Yang kedua, kelewatan *boss* Padang Kota untuk mengambil tindakan yang secepat mungkin, dengan serta merta *by right*....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Sila duduk, *I* boleh bagi nanti.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Point of Order. Point of Order, duduk.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Point of Order, okay.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Perkara 46(13)(d) *"A member must not indulge in personalities"*. Y.A.B. Ketua Menteri adalah seorang ahli yang dipilih, jangan kata *boss* Padang Kota, jangan sampai macam itulah, fahamlah sikit apa itu peraturan undang-undang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Saya faham tetapi Padang Kota tidak faham. Dia dulu pun guna perkataan "*boss* dia, *boss* dia", kalau Dr. Sak cakap, "*boss* MCA *Assemblymen*, ini tidak pakaikah?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Dulu saya bawa *you* tidak pakai, Y.B. Datok Keramat tidak tahu pakai, mana itu *Point of Order*? Mana peraturan? Bawalah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Double standard lah *you*.

Dato' Speaker:

Y.B. Datok Keramat sila duduk, kita bersidang dengan cara yang elok, jadi gunalah perkataan-perkataan secara terhormat dan sepatutnya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

I said in the jovial manner, kalau perkataan "bos dia" dia ada *offence, okay* saya tarik balik.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Saya tidak suruh tarik balik.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Tidak payah tarik balik, saya tidak tarik balik, *okay*, saya tidak tarik balik dan saya masih boleh guna perkataan "bos dia". Ini *Point of Order useless*. Dato' Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri.....(gangguan).

Dato' Speaker:

Yang Berhormat kata *Point of Order* ini *useless*, jadi macam mana, kita sekarang kena ikut *Point of Order*, ini peraturan yang kita terima....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Kena tarik balik.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Kalau Dato' Speaker kata kalau mesti tarik balik, saya tarik balik tetapi Padang Kota kata tidak payah? Macam mana, saya mesti tarik balikkah atau tidak? Dato' Speaker buat satu keputusan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Dato' Speaker, dia sendiri tidak tahu apa Yang Berhormat sendiri cakap, saya kata tidak payah tarik balik apa yang saya kata, saya tidak kata tidak payah tarik balik bahawa peraturan ini tidak berguna, dia kata tidak berguna jadi dia kena tarik balik perkataan yang mana dia mengatakan Peraturan ini tidak berguna, itu dia, fahamlah bahasa.

Dato' Speaker:

Itulah yang berguna itu kan? *Okay,* teruskan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Ada berguna, sangat berguna, saya akan gunakan *Standing Order* itu nanti.

Dato' Speaker:

Jadi *point* yang kedua tadi?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Yang kedua, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengapa ambil masa yang panjang itu untuk merujuk kepada *Inlands Revenue* untuk membuat satu klarifikasi. Ini ada satu, bukankah itu satu tanggungjawab Yang Amat Berhormat yang mewakili Dewan ini atau semua Ahli-ahli Dewan ini yang mesti melindungi hak kita semua. Saya pun ditekan kelmarin, ada orang kata, ada Yang berhormat yang berniaga atau Yang Berhormat yang jadi professional ada bayar cukai, mestilah. Itu *zone down* atau *focus* kepada saya. Saya pun telefon ke pejabat saya dengan serta merta, saya pun diancam saya mesti keluarkan satu *statement* untuk klarifikasi. Ini yang kedua iaitu Ketua Menteri tidak buat tindakan yang secepat mungkin.

Yang Ketiga, iaitu Ahli Batu Lancang. Buat *investigation* dulu, buat semakan dulu, jangan keluarkan kenyataan kalau tidak ada asa atau justifikasi. Kalau itu hanya satu kenyataan beliau mesti pergi ke pejabat *Inlands Revenue find out first.* Kalau ia sangat *sure* dia boleh ulangkan kenyataan di luar Dewan ini. Oleh sebab ini, dia umumkan kenyataan ini di dalam Dewan, dia melindungi oleh itu hak-hak istimewa Ahli Dewan Undangan Negeri tetapi saya harap ketiga-tiga pihak ini mengakui kesilapan mereka, *be gentleman.* Sekian, terima kasih.

Dato' Speaker:

Ketua Menteri

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan):

Penjelasan, Dato' Speaker.

Dato' Speaker:

Penjelasan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan):

Saya ingat saya pun pada mula-mula tidak berminat untuk berbahas tetapi apabila saya dengar Y.B. Datok Keramat nyata tentang kesalahan yang pertama ialah D.G, *Inlands Revenue*. Yang kedua dalam hal ini, Ketua Menteri yang salah tidak minta penjelasan daripada D.G. Yang ketiga, Batu Lancang yang salah kerana mengumumkan di Dewan yang mulia ini. Yang tersalah sekali ialah pihak yang melaporkan berita ini tanpa asas, itu tidak sebut langsung. Dan saya pun rasa sangat hairan, bagaimana STAR the *paper* ini boleh dapat berita dan siarkan. Saya hendak tahu, adakah surat khabar yang lain yang laporkan isu ini? Saya memang dapati bahawa tidak ada dan daripada kenyataan penjelasan daripada D.G. bahawa pada satu sidang akhbar, STAR tidak hadir dan juga selepas itu beliau tidak langsung ada cakap dengan pemberita ke mana- mana surat khabar pun dan mengapa STAR pada masa ini melaporkan satu laporan yang tidak berasas di mana Dewan yang mulia ini akan membentangkan satu pelan pembangunan strategik yang begitu penting, mengapa? mengapa? Satu isu yang tidak berasas langsung dilaporkan dan kemudian apabila dibetulkan dengan ditunjukkan oleh Pengkalan Kota, boleh tunjuk sekali lagi ke? Berapa besar? Mana? Bawah sajakah? Berapa besar? Itu saja. Ya itu saja, apakah, adakah satu agenda di belakang ini, itulah saya hendak dapatkan penjelasan, Dato' Speaker.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, adalah jelas bahawa isu ini telah menunjukkan bahawa ada pihak yang tidak bertanggungjawab dan malangnya surat khabar STAR dan saya berharap bahawa ini, usaha ini ataupun percubaan ini untuk menjadikan sesuatu *sensational* yang telah menjejaskan Dewan ini tidak diulangkan lagi. Sebab ini tidak sihat untuk Dewan.

Dato' Speaker, saya ingat sudah cukuplah kita membuat satu pendirian di sini yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli dari Padang Kota dan Kebun Bunga bahawa surat khabar STAR hendaklah lebih bertanggungjawab dalam laporannya pada masa depan.

Dato Speaker:

Bolehkah kita menganggap isu ini diselesaikan dengan cara kita berkehendakkan supaya pihak akhbar dan juga sesiapa pun berhati-hati dan harus bersimpati kepada Dewan misalnya. Bolehkah kita semua bersetuju begitu?

Ketua Menteri:

Ya, Dato' Speaker, saya ingat perkataan yang sesuai ialah bertanggunjawab bukan bersimpatilah. Tidak perlu bersimpati kalau kami membuat kesilapan. Ya, boleh membuat kritikan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan):

Dato' Speaker, saya ingat kerana laporan ini nama-nama Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini telah terancam dan adakah perlunya Dewan yang mulia ini meminta *The* STAR surat khabar ini *apologize* kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini kerana laporan ini, nama-nama baik sudah tercemar, semua.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya memang setujulah bahawa STAR perlu membuat, meminta maaf daripada semua ADUN dan juga Dewan ini.

Tuan Speaker:

Kenapa kita tidak minta Batu Lancang juga sebagai Ahli Dewan melakukan perkara ini ditumbulkan tanpa asas yang dia sedari ada konkritnya asas ini, bolehkah begitu?

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Penjelasan. Dato' Speaker, yang pertama, saya baca surat khabar itu kemudian saya terancam nama saya sebagai ADUN di Pulau Pinang kerana D.G. mengatakan perkara ini di Bukit Mertajam sebab itu saya bertanggungjawab untuk membawakan perkara ini di Dewan untuk *clarified* isu ini dan yang lain Dato' Speker sudah membahagikan saya, ucapan saya mengenai perkara itu telah membuktikan perkara ini boleh dibawa dalam Dewan Undangan yang mulia ini?

Dato' Speaker:

Saya masih ingat lagi, mula-mula Yang Berhormat daripada Penanti hendak cakap benda ini. Saya kata kalau hendak cakap mesti Yang Berhormat bertanggungjawab. Tapi yang Berhormat tidak bangkitkan perkara itu, jadi saya rasa ingatan itu samalah kepada ahli-ahli yang lain.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Saya ingat isu saya yang lain, isu saya muzik.

Dato' Speaker:

Muzik, minta maaf.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Bukan pasal ini. Tapi oleh sebab saya bangun, saya hendak cakap sikitlah.

Dato' Speaker:

Tetapi kita tidak habis lagi ini.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Tidak-tidak, pagi ini jadi saya senang tidak payah bangkit. Masa pun terhad, mungkin hari ini hari Jumaat bukan, jadi selama ini saya diam saja. Oleh sebab saya anggap ini adalah urusan jabatan kalau sekiranya ada di antara Yang Berhormat, Yang Berhormat sangkut mengenai dengan *income tax* maka peraturan-peraturan yang ada dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri sama ada bawa pergi mahkamah ataupun mengambil tindakan undang-undang kepada Yang Berhormat yang tidak membayar. Tetapi saya hendak jelaslah kalau ada keraguan. Macam kita pihak pembangkang yang ada di sini, apalah ada pada kita bahawa kita ada nyawa dan badan, kalau adapun kita sebagai pendapatan daripada sumber menjadi wakil rakyat dan ini saya difahamkanlah kalau tidak saya pun tidak tahu. Saya difahamkan dikecualikan melainkan kita ada pendapatan sampingan. Macam kita dulu, seorang pesara, berapa sangat pesaraan yang kita dapat dan kita tidak menjalankan perniagaan. Kalau hendak adapun adalah tunggakan-tunggakan masa kita kerja dahulu barangkali kalau dia beri notis dekat kita, insya-Allah kita boleh bayaran secara ansuran ke kalau kita tidak

ada duit. Kemudahan ini disediakan oleh kerajaan untuk hendak bayarkan secara tunggakan secara *installment* dengan izin. Jadi saya rasa, perkara ini jangan kita besar-besarkan. Dalam Dewan ini yang kita pada tujuan utama ialah untuk membahas PSDP2 yang menyeluruh bagi satu Negeri Pulau Pinang ini. Sebab itu kadang-kadang wakil rakyat kita Yang Berhormat, Yang Berhormat kita yang ada di dalam Dewan mulia ini membangkitkan soal-soal kawasan masing-masing. Itu yang makan masa yang cukup panjang ini. Yang Berhormat Dato' Speaker telah memulakan mukadimah hari pertama yang memberikan peringatan supaya kita jangan bangkit soal kawasan masing-masing kerana ini boleh di bawa dalam belanjawan, sebab itu saya ikut. Kalau kita tidak dengar nasihat Speaker, dengar nasihat siapa lagi? Dato' Speaker bukan?

Dato' Speaker:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Jadi apa yang saya tengok yang bawa secara menyeluruh sahabat saya daripada Bertam, dia tidak bangkitkan soal Bertam yang kawasan yang diwakilinya. Cuma satu sajalah bukan, masa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tidak ada dalam Dewan, dia kata buku yang disediakan itu tidak komprehensif dan sebagainya. Bila Yang Amat Berhormat Ketua Menteri masuk dia kata memang bagus. Dia ini memang bagus. Tapi yang itu lawak sajalah, bukan. Dia pun hendak *respect* dia punya boss. Jadi, inilah pandangan kita supaya kita tumpukan kepada PSDP2. Bila datang waktu belanjawan, kita bangkitkan masalah tempat kita masing-masing. Sekian, terima kasih.

Dato' Speaker:

Laluan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Apa yang dikatakan Penanti tadi, Yang Berhormat Penanti ada sedikit kebenaranya kerana saya lihat dalam perbahasan yang berjalan empat, lima hari ini ada juga wakil rakyat seperti Batu Lancang khususnya bukan minat sangat hendak cerita pasal pembangunan Pulau Pinang. Dia lebih berminat untuk cara publisiti. Publisiti bagi Batu Lancang mahupun parti DAP adalah satu perkara yang sangat penting bagi mereka. Saya masih ingat lagi pada tahun 1990 atau 1995, dikala itu ada 14 orang wakil daripada parti DAP. Kerja lain tidak ada, cuma untuk bagi ucapan untuk mencari publisiti lepas beri ucapan bawa keluar

teks bagi dekat *reporter*. Keluar Dewan makan, panggil *reporter* keliling, Wah! cerita semua itu, itu, ini yang dilakukan oleh Batu Lancang. Perkara yang tidak sepatutnya dibicarakan di dalam Dewan ini kerana pentingkan publisiti heboh benda ini jadi begini. Cukup seronok dengar *reporter*. Bagi mereka, bagi dia Yang Berhormat ini, *reporter* itu adalah satu kumpulan yang sangat penting yang boleh memberi publisiti kepadanya tetapi dia lupa dahulu Lim Kit Seang siapa yang tidak kenal dikelilingi oleh *reporter* tapi bila datang pilihan raya, kalah. Jangan lupa itu Yang Berhormat Batu Lancang. Publisiti yang lebih-lebih daripada 14 wakil rakyat DAP sekarang tinggal satu. Orang meluat dengan publisiti murahan seperti apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Batu Lancang hari itu. Sejarah telah membuktikan daripada 14 tinggal satu penggal sudah, sekarang ini juga tinggal satu. Mungkin di depan esok zero, kosong. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Minta penjelasan.

Dato' Speaker:

Penjelasan, Batu Lancang

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Yang Berhormat Penaga telah menuduh sayalah, saya kena jawab sikit. Yang pertama bukan saja DAP boleh kalah, UMNO juga boleh kalah. Kalau sudah kalah di Kelantan kemudian di Terengganu mungkin dalam Kedah juga dan termasuk Pulau Pinang, jangan lupa juga Yang Berhormat Bertam, Penaga. Yang kedua, bukan saya hendak ambil publisiti saja Yang Berhormat dari Barisan Nasional juga sama terutamanya Ketua Menteri bukan saja pemberita-pemberita diiringi dalam kawasan saya yang lebih di dalam Pejabat Ketua Menteri jangan lupa itu. Sebab itu kata-kata Yang Berhormat Penaga ini tidak benar, jangan ingat cakap baik-baik.

Dato' Speaker:

Yang Amat Berhormat hendak bagi jalan dekat siapa?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

No, kalah di Kelantan, *then* di Terengganu, muka Yang Berhormat Permatang Pasir senyumlah yang itu. Kalahnya UMNO atau Barisan Nasional di Kelantan kerana sokongan DAP. Duduk dulu.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Dato' Speaker, sekarang ini bahas politik boleh juga.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tidak habis lagi, nanti.

Dato' Speaker:

Nanti, nanti masih lagi Penaga ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tidak habis pun lagi.

Dato' Speaker:

Penaga tidak habis lagi.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta dekat, jadi DAP menyokong parti PAS mengila-gila walaupun Pas menganggap DAP ini satu parti yang tidak boleh pakai, langsung tidak boleh buat kawan tapi DAP sondol juga. Jadi akibatnya ialah dalam politik itu kadang kala dia kira tidak malu, orang tidak mahu dia sondol juga. Akhirnya baru DAP tersedar bahawa PAS permain-mainkan DAP. Sekarang dia pergi bertanding di Sarawak, kena lagi teruk. Saya ingat penggal depan tidak adalah wakil Batu Lancang. Terima kasih.

Dato' Speaker:

Ketua Menteri, Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

Sikit, sikit, jadi Yang Berhormat Penaga saya hendak bagi makluman di Kelantan tidak ada DAP langsung. Tidak ada satu pun DAP bertanding begitu ya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tidak mahu terima tau. Sampai dia kata tidak ada sokongan langsung, dia pun diam juga ke? Macam mana dia bukan kawan macam ini.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

DAP tidak ada.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ingat sudah cukuplah, saya ingat ...(gangguan).

Dato' Speaker:

Padang Kota minta laluan.

Ketua Menteri:

Tidak payahlah, tidak payahlah.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Saya berdiri banyak kalilah.

Ketua Menteri:

Okey yang *last* sekali.

Dato' Speaker:

Last sekali

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Saya tidak ganggu.

Dato' Speaker:

Jadi emas semua ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Dato' Speaker, isu cukai itu adakah berkaitan dengan usul PSPD2 ada berkaitan ke? Kalau tidak berkaitan mengapa Ahli Kawasan Batu Lancang bangkit isu itu? membazir kita punya masa, betul ke? Apa tujuan, jangan lupa kita dalam usul PSDP2, lebih baik kita tidak mahu bazir masa, kita bazir masa, rakyat.

Dato' Speaker:

Bazir.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow):

Bazir, terima kasihlah, tapi *you* tau saya taulah. Ini ada kaitan ke? Kalau tiada kaitan, Batu Lancang mesti bertanggungjawab. Tarik isu ini. Terima kasih.

Ketua Menteri:

Sudah cukuplah, Dato' Speaker, jelas iaitu kita dah buat rumusan.

Dato' Speaker:

Siapa pun tidak kena getah.

Ketua Menteri:

Kita buat rumusan tadi bahawa surat khabar STAR kena bertanggungjawab, Ahli Batu Lancang juga kena bertanggungjawab. Sama-sama bertanggungjawab. Dato' Speaker.....(gangguan). Ketua Menteri memang selalu bertanggungjawab.

Ketua Menteri:

Ketua Menteri memang selalu bertanggungjawab. Dato' Speaker, oleh kerana rakan saya dari Sungai Acheh masih bercuti rehat selepas rawatan, maka isu mengenai perumahan saya akan jawab bagi pihak kerajaan negeri. Kerajaan negeri saya menegaskan di sini akan terus memberi tumpuan untuk memastikan penyediaan perumahan yang mencukupi, mampu dibeli dan selesa khasnya kepada golongan yang perpendapatan rendah.

Daripada sejumlah 58,936 pemohon yang telah berdaftar setakat ini untuk memohon perumahan, seramai 44,459 orang pemohon ataupun 75% telah ditawarkan dan bilangan dalam senarai menunggu ialah 14,477 ataupun 25% iaitu setakat 30 September. Angka 75% ini memang menunjukkan satu prestasi yang agak baik kalau dibandingkan dengan mana-mana pihak pun. Bilangan unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang telah diluluskan kebenaran merancang tetapi belum dimulakan adalah dalam lingkungan 16,000 unit yang melibatkan 67 projek dan angka ini memang melebihi bilangan pemohon dalam senarai menunggu. Dengan ini bermakna bahawa sebaik sahaja projek ini dimulakan pembinaan mereka akan dapat ditawarkan perumahan.

Dato' Speaker, pada keseluruhannya lebih kurang 50,000 unit rumah kos rendah dan kos sederhana telah dicadang, dirancang dan diunjurkan akan dibina dalam tempoh 5 tahun yang akan datang. Angka ini tidak mengambil kira projek-projek baru oleh pihak swasta yang belum diketahui oleh pihak kerajaan negeri iaitu yang diketahui sudah berjumlah 50,000 unit yang dicadangkan dan dirancang akan dibina.

Unjuran 50,000 unit ini mungkin tidak dapat tercapai sepenuhnya kerana beberapa sebab, antaranya masalah kelulusan kebenaran merancang, masalah mematuhi syarat-syarat perancang tertentu, keupayaan pemaju, masalah-masalah pelaksanaan dan sebagainya. Walau bagaimanapun mengikut purata pendaftaran pemohon rumah sebanyak 4,000 setahun dalam 10 tahun yang lepas iaitu puratanya pemohon baru ialah 4,000 orang setahun.

Bilangan pemohon dalam tempoh 5 tahun yang akan datang ini dijangka dalam lingkungan 20,000 orang. Oleh itu bekalan rumah yang akan disediakan iaitu mengikut 16,000 yang sudah dilulus 50,000 lagi telah memohon, telah dicadang, dirancang jumlahnya lebih daripada 50,000. Ini bermakna bekalan rumah itu dijangka mencukupi untuk memenuhi keperluan ini, baik pun jika pencapaian hanya 50% daripada apa yang dirancang dan diunjurkan. Makna saya ialah sekiranya sejumlah 50,000 yang masih dalam *pipe line* 16,000 yang telah dilulus belum dimulakan pembinaan iaitu lebih kurang 60,000 lebih.

Sekiranya hanya 50% yang berjaya untuk dibangun dalam tempoh 5 tahun yang akan datang tidak termasuk projek-projek baru yang mungkin akan dikemukakan dalam tempuh 5 tahun yang akan datang. Ini bermakna bahawa kita dapat memenuhi keperluan seperti mana yang ditunjukkan prestasinya dalam 5 tahun kebelakangan ini. Walaupun dijejaskan oleh krisis kewangan.

Dato' Speaker:

Penjelasan Ahli Kawasan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Encik Lim Chien Aun):

Terima kasih Dato' Speaker, dari segi *demand* untuk perumahan kita tahu, walaupun kita ada banyak projek akan datang atau sedang, Ketua Menteri adakah kita mengambilkira hasrat orang yang memohon rumah kos rendah khasnya atau kos sederhana, oleh sebab banyak kes walaupun banyak pemohon dan kita mempunyai banyak bekalan *supply* rumah tetapi banyak kes lokasinya tidak sesuai. Ada banyak pemohon bertanya contohnya dari segi rumah kos rendah khasnya, banyak diperuntukkan oleh *private* sektor tetapi tempat yang dikenal pasti untuk membangunkan rumah kos rendah ini, banyak kes tidak sesuai oleh sebab banyak pemaju-pemaju mengambil paksaan ini di mana mencari tanah di luar bandar, tempat yang murah untuk dibangunkan rumah pangsa kos rendah dan banyak orang yang memohon tidak berminat untuk pergi ke sana sebab jika kita pergi contohnya di Gertak Sanggol hendak mencari makan pun begitu susah sebab ini menjejaskan kehidupan harian pemohon ini dan saya bukannya apa, hanya hendak mengsyorkan dan mencadangkan di sini.

Apabila kita hendak mengenalpastikan tempat rumah kos rendah, kita mesti mengambil kira dengan sedalamnya hasrat pihak pemohon, kalau tidak saya lihat pada hari ini dan semalam dan juga dalam television banyak rumah terbengkalai di Pulau Pinang juga disebutkan khasnya rumah kos rendah. Oleh sebab itu kita hendak buka kepada orang asing untuk membeli harta tanah kita di dalam negeri kita.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, kenyataan oleh Ahli Bayan Lepas, memang merupakan satu kenyataan *idealistic,* iaitu seolah-oleh kita tidak mengambilkira bahawa tapak-tapak tanah yang ada yang mempunyai potensi untuk pembangunan ini ada di tiap-tiap tempat, tidak.

Dato' Speaker tapak tanah yang dimiliki oleh pemaju swasta ataupun pemilik itu memang di merata-rata tempat dan kita berada dalam satu sistem pasaran bebas di mana selepas mereka mengkaji pasaran hartanah mungkin atas nasihat pihak perancang dan mereka membuat keputusan untuk memohon mendirikan projek perumahan dan pihak kerajaan sekiranya permohonan itu memenuhi syarat-syarat perancangan kita tidak boleh mengatakan kita boleh menolak, itu yang pertama, yang keduanya mengenai lokasi.

Memang itu satu isu yang subjektif sebab kita masih ingat bahawa dalam tahun tujuh puluhan, apabila kerajaan negeri membangunkan kawasan Bayan Baru di bawah PDC, lokasi itu dianggap tidak sesuai juga harga rumah teres pada waktu itu saya masih ingat dalam penghujung tahun 70-an cuma RM19,000. satu

unit teres dengan adanya tanah, tetapi tidak begitu ramai orang yang berminat pada waktu itu. Mereka menganggap bahawa kawasan itu terlalu jauh, Bayan Baru terlalu jauh dianggapnya. Tetapi selepas pertumbuhan ekonomi berlaku di dalam kawasan perindustrian maka pembelian telah juga meningkat dan sekarang ini Bayan Baru merupakan satu kawasan yang amat digemari dan diminati oleh para pembeli rumah sehingga harga rumah terus meningkat, itu yang saya hendak jelaskan.

Dato' Speaker:

Penjelasan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Encik Lim Chien Aun):

Terima kasih Dato' Speaker, saya tidak menafikan tetapi di sini apabila saya sentuhkan isu lokasi khasnya apa yang saya maksudkan kita mesti mengetahui hasrat daripada pemohon. Saya rasa banyak orang memohon rumah kos rendah, saya tidak katakan mereka tidak diberi peluang tidak mendapat rumah tetapi banyak kes yang pergi membuat *reject* permohonannya dan dari segi kes Bayan Baru, contohnya bila dirancangkan ialah untuk *township* yang baru, tetapi dari segi banyak tempat rumah kos rendah yang sedia ada khasnya di Paya Terubong bukan sahaja menjadi *township* oleh sebab *committee personalities* ataupun kemudahan sivik dan lain-lain tidak termasuk dalam skim itu, di kawasan Paya Terubong mungkin di Paya Terubong ada orang yang mahu, tetapi khasnya di Seberang banyak orang yang memberi peluang untuk mendapat rumah Seberang tetapi di Pulau mana ada orang hendak pergi ke sana. Jika kita merancangkan tempat rumah kos rendah ini dengan prinsip untuk membangunkan satu *township* atau aktiviti *center* mungkin kita ada. Tetapi banyak kes lokasi untuk rumah kos rendah untuk laluan dan tempat laluan bas pun juga tidak ada, kemudahan-kemudahan lain pun tidak ada. Saya tidak mengatakan kita tidak bangun, tetapi apa yang saya hendak merayu kepada kerajaan negeri ialah sila ambil perhatian rakyat yang memohon rumah kos rendah dari segi PSDP 2 ini. Tujuan kita untuk mencapai wawasan kita, dan wawasan kita ialah untuk rakyat Pulau Pinang bukan kita, dan kalau kita tidak mengambilkira pendapat rakyat jelata apa guna kita berbahas di sini.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ingat Ahli Bayan Lepas bersikap negatif kerana kerajaan negeri memang mengambil kira hasrat rakyat untuk memiliki rumah sebab itu kita juga telah dan setakat ini memang ada seboleh-bolehnya menggunakan apa juga tanah kerajaan yang sesuai yang berdekatan dengan bandar raya untuk membangunkan rumah kos rendah atau rumah sewa tetapi kita tidak boleh, kalau tidak

ada tanah yang sesuai bagaimana kita dapat membangunkan dan orang yang memerlukan rumah yang harganya lebih rendah memanglah hendak mengambil kira bahawa kalau mereka membeli di dalam bandar raya di mana harga itu tinggi mereka tidak sanggup, maka mereka beli jauh sedikit, di Bayan Baru atau Paya Terubong. Dari segi kos ulang alik ke tempat kerja mungkin lebih murah daripada membeli rumah di kawasan bandar raya dan ini adalah satu had atau *limitation* yang dihadapi oleh kerajaan negeri kerana kita tidak memiliki begitu banyak tanah di merata-rata tempat. Oleh itu kita menggunakan inisiatif dan kita menggalakkan pihak pemaju swasta untuk membangunkan perumahan dan mengenai kemudahan itu memang kalau mengikut syarat-syarat perancangan setiap projek perumahan yang besar diperlukan untuk mengadakan kemudahan dan itu memang jadi satu syarat memang saya mengakui bahawa bukan semua projek itu sempurna *perfect* tetapi kita memang dari segi angka apa yang saya sebutkan bahawa bekalan perumahan yang akan disediakan nampaknya akan mencukupi untuk memenuhi keperluan pada masa hadapan sekiranya kestabilan ekonomi dapat dikekalkan. Walau bagaimanapun ...(gangguan) . Bagi saya jawab dulu.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Encik Lim Chien Aun):

Saya hendak tahu apa yang dinyatakan oleh Ketua Menteri kita tidak cukup tanah dan lain-lain. Dato' Speaker, saya rasa sedih sebab proses pemerintahan ialah kegunaan proses perancangan dan bukan sahaja terletak pada tanah sahaja mungkin kita ada proses *re-development* pembangunan semula. Ada banyak proses tidak kata orang miskin mesti pergi ke luar bandar di mana tanah ada, di bukit lereng bukit kita ada proses untuk pembangunan semula contohnya di Georgetown kita boleh buat satu bandar wawasan, warisan apa sebab tidak boleh masuk rumah kos rendah ini semua proses perancangan dan hasrat kita kalau kita mahu, kita boleh buat, tidak boleh kata, tidak pada tanah, tidak ada tanah mungkin dari segi fizikal bolehlah tetapi ini bukan satu *excuse, you know* tetapi apa yang saya kata ini bukan kita hendak kritik tapi tengok untuk masa hadapan kita, kita ambil contohnya sebab kita pun tahu apakah hasrat orang yang memohon rumah kos rendah tetapi untuk peruntukan kos rendah ialah boleh dikatakan jawapan untuk masa hadapan, ini satu kata *list* sahaja kehidupan yang boleh dikatakan cemerlang untuk rakyat Pulau Pinang....(gangguan).

Ketua Menteri :

Dato' Speaker, proses perancangan itu memang selalu digunakan oleh itu dalam tahun 1994 pihak kerajaan negeri mengumumkan dasar perumahan kos sederhana rendah *low medium cost* ini negeri yang pertama yang mengambil inisiatif selepas beberapa kali saya mengemukakan konsep ini kepada Kerajaan

Pusat tetapi tidak dapat diterima pada waktu itu. Kami mengambil inisiatif untuk menggunakan proses perancangan supaya menggalakkan pihak swasta membina lebih banyak perumahan kos sederhana rendah *low medium cost* dan hasil daripada dasar itu beribu-ribu unit *low medium cost* dapat diwujudkan oleh pihak swasta dan kita mengambil kesempatan progres kemajuan ekonomi pertumbuhan ekonomi yang rancak pada waktu itu. Ini merupakan memang satu inisiatif yang cukup inovatif sehingga setakat ini lebih daripada 10,000 unit telah dapat diwujudkan tetapi saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Encik Lim Chien Aun):

Dato' Speaker, saya hendak tanya perancangan proses... (gangguan) saya tidak nafikan....(gangguan) tetapi dasarnya saya ucapkan terima kepada kerajaan negeri tetapi contohnya dari segi *local plan*, saya boleh cabar majlis, manakah kawasan yang dikenalpastikan dalam pelan jika ada pelan pun yang dikatakan tempat itu di *reserved* untuk rumah kos rendah....(gangguan).

Ketua Menteri :

Dato' Speaker, saya hendak tanya Ahli Bayan Lepas sebagai seorang yang *professional surveyor* mungkin kita mengenal pasti tanah swasta dan kekalkan lot-lot itu sebagai *low cost* tanpa mengambil kira harga tanah itu yang dimiliki oleh pihak swasta. Ini memang sesuatu yang tidak praktikal dan sebenarnya tidak mengikut peruntukan undang-undang sebab itu kita membuat proses perancangan dengan memperuntukkan *concept cross subsidy* di mana projek perumahan diperlukan untuk membekalkan perumahan kos rendah atau *low medium cost* itu *instrument*nya dan bukanlah sewenang-wenangnya mengatakan okey kawasan ini, kalau Ahli Bayan Lepas punya tanah, kata okey semua *low cost* sahaja yang lain tidak boleh buat saya ingat bercanggah dengan peruntukan dalam perlembagaan. Saya ingat sudah cukuplah, dia punya *point* ialah kita mesti mengambil kira hasrat rakyat untuk memenuhi keperluan perumahan dan ini diambil kira dan ini memang telah, sedang dan akan terus diusahakan...(gangguan). Semua yang saya katakan memang menghadapi *limitation* ataupun hadnya. Saya ingat cukup...(gangguan).

Dato' Speaker:

Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Ketua Menteri:

Sebab hari ini Jumaat kita hendak habiskan.

Dato' Speaker:

Teruskan.

Ketua Menteri:

Saya tidak menafikan bahawa kita tidak ada isu lain, isu seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Bayan Lepas mengenai lokasi memang betul, ada isu itu, dari segi jenis harga dan ini memang kita tidak menafikan tetapi saya cuma menyatakan bahawa kita sedang berusaha melalui proses perancangan yang ada dan kita berusaha seboleh-bolehnya dan sebagai contoh ada pemohon yang telah ditawarkan rumah di Macallum tetapi menolak tawaran kerana berkehendakkan rumah di Sungai Pinang dan sebenarnya jaraknya tidak begitu jauh, tetapi mereka memang ada hasrat untuk tempat lokasi yang mereka minati tetapi kita tidak mungkin tiap-tiap pemohon kita memenuhi minatnya lokasi ini dan bukan lokasi itu walaupun jaraknya tidak begitu jauh, Jalan Sungai berbanding dengan Macallum Street semua di bandar raya tetapi ada yang menolak kata tidak mahu, mahu yang lain sebab itu kebanyakan pemohon memang tidak bersikap begini apabila ditawarkan ada peluang mereka dengan cepatnya menerima sebab itu kita memang akan membanyakkan lagi tetapi lokasi memanglah mustahil untuk dapat lokasi yang *ideal* untuk semua orang....(gangguan). Penjelasan, saya bagi Batu Lancang.

Dato' Speaker:

Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Ketua Menteri, bahawa masalah perumahan ini tidak lama dalam tahun 80-an masalah ini sudah ada. Pada masa itu terdapat 20,000 lebih sedang menunggu kerajaan memberikan perumahan kepada mereka dan sampai sekarang terdapat 14,000 sedang menunggu kerajaan memberikan perumahan kepada mereka adakah sewa atau dibeli dan ini menunjukkan jelas bahawa kerajaan selalu mengatakan mahu merancang, merancang sampai sekarang masih terdapat banyak masalah lagi dan kebanyakan sedang menunggu tidak mahu menunggu kerajaan memberikan, sudah tidak sabar menunggu kerajaan untuk memberikan perumahan kepada mereka. Saya harap dalam pelan strategik pembangunan Pulau Pinang harap perumahan ini dapat diselesaikan jangan tunggu sampai pelan ke-3 lagi ada 20,000 kena menunggu lagi.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ingat Ahli Batu Lancang memang kurang faham keperluan perumahan ini memang satu keperluan yang berterusan apabila munculnya keluarga muda yang baru mereka perlu lagi perumahan, maka dari tiap-tiap rancangan Malaysia sejak Rancangan Malaysia Pertama, Kerajaan Pusat pun isu ini diulang-ulang dan kami menganggap bahawa ini satu tanggungjawab yang berterusan *continuous responsibility* tetapi hakikat bahawa saya telah sebut tadi daripada bilangan pemohon 56,000 yang sudah dapat ditawarkan ialah 75%. Saya masih ingat sebaik sahaja saya mengambil alih sebagai Ketua Menteri saya menyemak senarai menunggu pada tahun 1991, 1992 senarai menunggu pada waktu itu 100,000 dan selepas itu saya kata, ini memang ada yang tidak betul sebab itu saya mengarahkan supaya semua senarai itu dimasukkan dalam komputer semua butir-butir masukkan dalam komputer dan melalui komputer kita sudah dapat mengenal pasti mereka yang memohon 4 kali, 5 kali yang suami isteri memohon berasingan ada juga banyak yang tidak layak kerana pendapatan yang begitu tinggi pun memohon dan selepas kita bersihkan data itu maka dapatlah lebih kurang 50,000 dan waktu itu kita memperkenalkan dasar *low medium cost* kerana ramai daripada pemohon terdiri daripada Daerah Timur Laut dan kita memperkenalkan satu dasar strategi yang baru mulai tahun 1994. Oleh itu dari sana kita dapat mengurangkan bilangan pemohon-pemohon hingga cuma 14,000 dan ini memang satu kemajuan, kalau tidak ada kemajuan bagaimana angka itu menurun tetapi angka itu tidak saya katakan tiap-tiap tahun memang ada 4 hingga 5,000 pemohon baru dan itu satu *moving target* dan tiap-tiap tahun kita ada bekalan dan saya pun sudah memberi penjelasan bahawa bekalan perumahan nampaknya memang ada dalam *pipe line* pemohonan daripada pihak swasta...(gangguan) dan juga projek daripada agensi kerajaan yang itu saya maksudkan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Saya minta penjelasan. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, daripada angka-angka yang dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri iaitu sebanyak 50,000 LC dan LMC telah dicadang dan yang telah diluluskan ialah 11,000 LC dan LMC. Di atas asas ini kerajaan negeri pun percaya akan menyelesaikan masalah perumahan orang awam tetapi saya anggap kerajaan negeri tidak belajar dari pengalaman dulu iaitu di PSDP1 ada banyak yang dicadangkan yang diluluskan unit-unit kos rendah atau kos sederhana rendah tidak dibina. Ini adalah sebab suasana ekonomi yang tidak baik yang menghadapi cabaran terutama sekali selepas 1997. Ini menunjukkan iaitu tidak cukup minat daripada pihak kerajaan negeri, tidak cukup usaha dari pihak kerajaan negeri untuk membina rumah kos rendah sendiri tertakluk kepada *defendant, over defendant* dengan izin pada pihak

swasta dan kalau PSDP2, kalau ada belajar dari PSDP1 mesti ada polisi baru, polisi yang boleh membaharukan situasi itu iaitu tidak *over defendant on the private developer* dengan izin dan ini saya harap, semak lagi keluarkan satu lagi strategi yang baru untuk perumahan kos rendah, untuk orang awam dan daripada maklumat saya, Negeri Pulau Pinang tidak pohon sebegitu banyak dari Kerajaan Persekutuan untuk membina perumahan rakyat yang termiskin. Ada satu, dua projek sekarang di Sungai Pinang, di sini sana tetapi dibandingkan dengan negeri-negeri lain, kita ada lewat sikit, kita pun lewat had kita, tidak cukup tanah dan lain-lain tetapi saya tidak mahu alasan-alasan itu, orang awam pun tidak mahu alasan... (gangguan).

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ingat sudah cukuplah... (gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Baiklah, *I'll just finish the last sentence.* Saya harap kita akan semak lagi, kalau boleh jangan tertakluk kepada angka-angka daripada MPPP dan MPSP yang kita luluskan atau telah dicadangkan oleh pihak *developer.* Dari segi kerajaan, PDC dan kerajaan negeri, buat sendiri, di atas kaki sendiri, berdikari, bina lebih banyak lagi rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Penjelasan sedikit. Dato' Speaker, saya memang ada bukti bahawa saya ada terima aduan bahawa mereka telah memohon sudah 10, 20 tahun masih tidak dapat perumahan daripada kerajaan lagi dan setiap tahun di Pulau sahaja, kita patut membina sebanyak 5,000 unit perumahan tetapi memandangkan krisis ekonomi atau sebelum itu memang kerajaan tidak dilaksanakan sebegitu banyak unit begitu dan *over dependant* seperti Y.B. Datok Keramat kata, kita terlalu bergantung kepada pihak swasta, kerajaan sendiri tidak membina banyak hanya beberapa ratus sahaja dan PDC memang pada masa sekarang tidak mampu membina lagi kerana kesulitan kewangan.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ingat jawapannya telah saya jawab. Memang saya mengakui ada *limitation* kerana tidak ada tanah berbanding dengan negeri-negeri lain. Isu tanah ini bukan isu yang menjadikan alasan, *it's not an excuse* tetapi sememangnya satu masalah, cabaran yang dihadapi oleh kerajaan negeri. Tadi Ahli Datok Keramat ada kata, kita nampaknya tidak memohon begitu banyak daripada Kerajaan Pusat, peruntukan untuk perumahan kos rendah atau rumah sewa. Bukan kita tidak memohon tetapi syarat

Kerajaan Pusat ialah tanah mestilah *free*, mestilah percuma diberi kepada Kerajaan Pusat, ianya mestilah tanah kerajaan negeri yang ditawarkan. Kalau kita tidak ada tanah, dalam banyak kawasan tidak ada tanah kerajaan negeri, ataupun ada tanah MPPP tetapi dipenuhi dengan setinggan kerana dari dahulu memang ada setinggan, maka kos tanah itu bukan percuma. Kalau kita hendak mewujudkan tanah, mengambil alih tanah, misalnya satu ekar di dalam bandar raya atau di mana-mana tempat pun, berjuta-juta ringgit untuk satu ekar. Dan kita membelanjakan berjuta-juta ringgit atas tanah sahaja dan selepas itu kita membina rumah kos rendah...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Setuju, kos ini boleh ditanggung oleh kerajaan negeri sendiri.

Ketua Menteri:

Tetapi kalau begitu, maka apakah sumber kerajaan negeri? Kerajaan negeri memang ada buat, di mana yang boleh, kita ambil alih, di mana yang boleh, kita ada tanah, kita buat tetapi kita punya belanjawan pun terhad kerana hasil kita terhad dan apabila kita hendak meningkatkan hasil, dengan meningkatkan cukai pintu, ini membebankan rakyat pula. Sebab itu kita selalunya mengambil *dependant,* bukan bergantung tetapi kita memberi insentif, kita menggalakkan pihak swasta untuk membina lebih banyak. Itulah strategi di Pulau Pinang dan strategi ini sebenarnya sudah berhasil. Sudah dapat mengurangkan bilangan pemohon daripada 58,000 hingga 14,000 dan ini bermakna 44,000 telah ditawarkan dalam tempoh 5, 6 tahun ini. Saya ingat, itu satu prestasi yang nyata tetapi tidak mahu diterima. Memang ada masalah, memang saya tidak menafikan bahawa masih ada pemohon yang masih belum dapat. Ini merupakan satu *moving target*, Dato' Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Bukankah kerajaan negeri sudah mengakui tidak cukup, pada masa IKS telah dibuburkan, kerajaan negeri sangat menyakinkan bahawa ada cukup rumah kos rendah untuk menyelesaikan semua isu-isu ini. Tetapi Y.A.B. Ketua Menteri juga telah mengakui di dalam Dewan ini, pun sangat sedih oleh sebab apa yang telah dirancang, apa yang telah diluluskan tidak dibina oleh pihak swasta. Sekarang itu isu lama, itu rancangan pihak swasta...(gangguan).

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, memang ada masalah kerana kegawatan ekonomi. Oleh sebab itu, Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, sibuk berusaha, berikhtiar untuk menghidupkan semula ekonomi dan itulah salah satu daripada caranya. Saya pun memberi angka-angka

unjuran ini untuk menunjukkan bahawa dan saya juga sudah menyatakan dengan jelas bahawa sekiranya kita dapat mengekalkan kestabilan ekonomi maka kita akan dapat hasilnya. Saya ingat cukuplah untuk perumahan ini, isu-isu yang berkaitan, saya ingat masih ada peluang lagi untuk Ahli Dewan Undangan membahaskan dan akan dijawab oleh pihak kerajaan negeri nanti.

Dato' Speaker, saya beralih kepada isu sektor pembuatan. Sememangnya beberapa inisiatif baru telah diambil oleh kerajaan negeri dalam tempoh setahun lebih ini untuk menanggani krisis dalam industri elektronik sedunia dan juga untuk lebih cepatnya mendatangkan satu proses transformasi kepada sektor pembuatan di Pulau Pinang dan dengan begitu untuk memberansangkan pertumbuhan selanjutnya. Saya merasa yakin bahawa kalau kita mempunyai satu keazaman dan satu semangat perpaduan, dengan izin, *strong sence of purpose and unity*, maka Pulau Pinang dapat mengatasi cabaran yang dihadapi sekarang ini seperti yang kita sudah berjaya untuk mengatasi beberapa cabaran dahulu, walaupun cabarannya nampak begitu sulit, begitu susah iaitu *agains great odds*.

Saya ingin menegaskan bahawa kita tidak boleh meninggalkan sektor elektronik dan ICT hanya oleh kerana pada sekarang ini, ada satu kemelesetan dalam sektor ini sebab saya percaya selepas kemelesetan kali ini memang kita mempunyai potensi untuk terus bertumbuh kerana sektor elektronik dan ICT merupakan satu sektor yang cepat bertumbuh dan mempunyai potensi yang amat besar pada masa hadapan di dunia. Kita seolah-olah melalui satu *circle*, turun naik, turun naik dan kali ini memang turun, tetapi kita sudah di atas dalam tempoh 12 tahun kebelakangan ini. Saya memang bersetuju bahawa kita kena mempelbagaikan atau *diversify* dan untuk mendalamkan atau *deepen* asas dan landasan ekonomi kita, tetapi di dalam proses untuk mempelbagaikan, kita harus juga memilih yang sesuai, dengan izin, kita kena *selective*, kita tidak sepatutnya cuba untuk membuat segala-galanya dan mengagihkan tenaga kita dengan begitu nipis, dengan izin, *separate ourselves to thick*, kita kena *selective*. Pihak kerajaan memang penuh sedar dan peka terhadap cabaran-cabaran yang serius yang sedang dihadapi oleh Negeri Pulau Pinang bahkan oleh negara Malaysia dan juga banyak lagi negara-negara yang sedang melalui proses kemajuan. Singapura pun sedang menghadapi masalah dan berada di dalam keadaan kemelesetan atau *recession's* kali ini dengan *negative grove* sebanyak lima peratus. Cabaran jangka masa pendek dan sederhana bagi Negeri Pulau Pinang ialah krisis elektronik dan ICT kali ini, dalam tempoh setahun ini kerana sektor *dot.com.*, perniagaan *dot.com.*, atau *dot.com business* telah sebenarnya jatuh dengan teruk atau *collapse* dan juga kerana adanya lebihan bahan-bahan dan juga peralatan atau *over capacity*.

Cabaran jangka masa panjang ialah kemunculan negara China dan negara India dengan adanya bilangan pekerja yang begitu besar dengan ramai yang semakin terlatih, dengan kemahiran tetapi dengan kos atau upah yang rendah secara *relative*. Walau bagaimanapun kita hendaklah menjadi *realistic*, kita mesti memegang satu pendirian dan strategi yang *realistic*. Adalah mustahil dan tidak *advisable* bagi Negeri Pulau Pinang untuk cuba bersaing dengan negara China dalam semua bidang ekonomi terutamanya bidang-bidang yang berasaskan kepada buruh atau berintensifan buruh, *labour intensive*. Negara China dengan bilangan penduduk seramai 1,300 juta orang adalah 1,000 kali lebih besar daripada Negeri Pulau Pinang dan pasarannya yang begitu besar dengan sendirinya, dengan tidak mengambil kira faktor lain, sudah menjadi satu daya penarik yang begitu besar kepada para pelabur. Itu satu hakikat, *it's a fact*. Walau bagaimanapun Pulau Pinang boleh dan perlu untuk mengambil kira dan untuk menggunakan daya saing kita, dan kekuatan kita dalam bidang-bidang tertentu yang telah dibangunkan selama ini dengan izin konsepnya ialah untuk mengggunakan *niche areas*. *Niche area* ini termasuklah dengan izin teknologi pembuatan atau *manufactory technology* proses *engineering*, *precision two links, precision plastics, automation system design* dan atau reka bentuk dan pembangunan dan juga bidang-bidang teknologi tinggi atau *high tech* yang lain yang meliputi IT ataupun teknologi maklumat berdasarkan kepada *niche* ini kami, kerajaan negeri memang berjaya untuk mempromosi galak dan menyokong syarikat-syarikat multi nasional yang sedia ada dan juga syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana tempatan untuk membesarkan operasi mereka dan untuk beralih atau bergerak ke teknologi baru dan produk-produk baru dalam tahun-tahun kebelakangan ini ditunjukkan oleh amaun pelaburan dan tambahan pelabuhan yang diterima oleh Negeri Pulau Pinang seperti yang diluluskan oleh MIDA iaitu *Malaysian Industry Development Authority* untuk maklumat Dewan ini dalam tempoh 3 tahun dari tahun 95 hingga tahun 97 sebelum krisis kewangan Asia jumlah pelaburan yang diluluskan ialah RM6.3 billion untuk Pulau Pinang. Tetapi bagi tempoh 3 tahun selepas krisis kewangan iaitu tahun 98 hingga tahun 2000 amaun pelaburan yang diterima oleh Pulau Pinang dan diluluskan oleh MIDA adalah RM12 juta 2 kali ganda daripada angka pelaburan yang diterima oleh Pulau Pinang sebelum krisis kewangan iaitu RM2.7 juta untuk tahun 98, RM4.8 juta untuk 99 dan RM4.4 juta untuk tahun 2000 untuk tahun ini bagi 7 bulan pertama tahun ini jumlah pelaburan yang diterima ialah RM2.2 juta walaupun ada krisis elektronik maka angka-angka ini menunjukkan bahawa kita telah berjaya walaupun ada krisis kewangan yang melanda negara kita dalam tahun 1997 kita dapat menjanakan satu *momentum* yang cukup kuat sampai ke tahun ini tetapi saya mengaku bahawa *momentum* ini memang telah terjejas oleh elektronik krisis dalam tahun kebelakangan ini.

Oleh itu untuk merangka satu strategi yang *realistic* dan juga dapat dilaksanakan atau *realizable* untuk mengendalikan krisis dalam jangka masa pendek untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam jangka masa panjang kita mesti memahami sejarah evolusi perindustrian Negeri Pulau Pinang. Sebagai sebahagian daripada strategi di bawah PSDP1 iaitu dalam 10 tahun kebelakangan ini Pulau Pinang telah melalui satu proses tranformasi daripada pembuatan insentif buruh atau *labours incentive* ke operasi yang berintensifkan teknologi dan modal iaitu teknologi *in capital intensive* proses ini dijangka pada asalnya untuk terus berlangsung dalam lima tahun pertama di bawah PSDP2 iaitu 5 tahun yang akan datang dengan peningkatan penggunaan ICT dan dengan menuju kearah k-ekonomi. Walau bagaimanapun krisis elektronik sejak penghujung tahun sudah dan peristiwa 11 September telah memaksakan bahawa proses ini dipendekkan bukanlah 5 tahun tetapi hendaklah berlangsung dalam 2, 3 tahun oleh itu kita mestilah mempertingkatkan lagi usaha kita untuk menaiki tangga teknologi dengan lebih cepat lagi berbanding dengan dahulu. Sebab itu kita kena mempercepatkan lagi inisiatif-inisiatif yang telah diambil sekarang, dan inisiatif ini memang termasuklah memperkukuhkan lagi kekuatan kita dan bidang *niche* kita. Menerokai bidang-bidang baru..... (gangguan).

Ahli Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Penjelasan

Ketua Menteri:

Untuk meningkatkan industri kecil dan sederhana untuk menjadikan masuk ke dalam jaringan pembekal sedunia atau *global supply net work* dan juga untuk mempertingkatkan kemahiran dan teknologi bagi para pekerja kita.

Ahli Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Terima kasih Dato' Speaker, tentang bidang niche yang dinyatakan atau dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri itu adakah mereka iaitu bidang niche dari teknologi pembuatan, proses *engineering position design* IT dan lain-lain dan mereka dalam industri bernilai, bertambah tinggi atau nilai bertambah rendah. Ini soalan satu, dan yang ke dua ialah bukankah semua operasi dalam bidang *niche* itu ada kaitan dengan sektor elektronik dan kalau kita sedang menghadapi cabaran dalam krisis elektronik mengapakah kita masih meneruskan program ini dalam bidang nilai *niche* itu.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, kami sebenarnya sedang menerokai sektor-sektor baru juga misalnya dalam sektor industri asas tani, dalam sektor pembuatan yang lain mesin, *machinery* dan juga pengeluaran lain termasuk juga pengeluaran bahan-bahan percetakan, *printed material, packing* memang banyak ada tetapi hakikatnya sektor elektronik adalah yang besar sekali kita mesti teruskan kita tidak boleh meninggalkan sektor ini kerana ianya belum meleset kalau begitu kita patutlah meninggalkan sektor ini dalam tahun 80-an, dalam tahun 70-an semasa kita menghadapi kemelesetan elektronik pada waktu itu, tiap-tiap industri kalau kita ada fahaman ekonomi asas tiap-tiap industri, tiap-tiap sektor mempunyai naik turunnya, apa yang naik akan turun, dan apa yang turun selepas itu akan naik lagi, itulah satu hakikat *fact of life* dalam ekonomi sebab itu kita tidak boleh begitu meninggalkan sektor ini dan cepat-cepat pergi cari sektor lain seolah-olah kita bagi kalam kabut, kita tidak boleh membuat begini, memang kita sebenarnya 12 tahun sehingga awal tahun ini, 12 tahun kita menikmati dan mengalami satu pertumbuhan yang begitu pesat di mana telah membawa kemajuan dan kemakmuran, bukan kemabukkan kepada negeri kita dan negara kita, tidak adalah, dan mungkin ada juga kemabukkan tetapi apa yang penting janganlah kerana dalam setahun meleset kita kena lepas bukan sikapnya. Industri dan sektor ekonomi adalah *commitment* satu *commitment* jangka masa panjang, satu proses jangka masa panjang seperti mana perkahwinan kita kena ada *commitment* dengan sewenang-wenang tidak boleh sebab-sebab bergaduh sekali tidak boleh, kita mesti memandang dari sudut, satu pandangan yang jauh. Oleh itu. .... (gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Nilai-nilai bertambah tinggi.

Ketua Menteri:

Nanti-nanti Ahli Datok Keramat kurang faham dan mungkin kita harus memberi taklimat sekali lagi kepada Ahli Datok Keramat, iaitu apabila saya menyebut *manufactory technology process engineering, position* tulin dan *position* plastik, *automation system design high tech area* yang melibatkan IT ini semua nilai tambah yang tinggi tidak mungkin nilai tambah yang rendah. Sebab itu kita mestilah mempunyai keyakinan kalau bukan terhadap kerajaan negeri sekurang-kurangnya terhadap *engineer* kita, juruteknik kita, dan pekerja kita yang mahir dalam sektor perindustrian seramai 200,000 di dalam kawasan-kawasan perindustrian PDC sekurang-kurangnya mempunyai keyakinan terhadap kemampuan mereka, kalau tidak terhadap kerajaan negeri, Okey itu amatlah penting, *that very important*.

Dato' Speaker, salah satu daripada bidang baru yang diterokai dalam tempoh setahun, dua kebelakangan ini ialah *photonic* yang dijangka akan tumbuh dengan pesat dalam masa hadapan bersama-sama dengan bidang telekomunikasi dan elektronik. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa satu bentuk *consortium* yang dikenali sebagai *Penang Photonic Consortium* telah diwujudkan yang sekarang telah merangkumi 19 perusahaan industri tempatan yang telah menunjukkan kemampuan teknikal mereka dan juga kapasiti pengeluaran mereka yang cemerlang dalam beberapa bidang perindustrian yang *relevant* dan hasil daripada beberapa lawatan keluar negeri termasuk juga lawatan bersama dengan rombongan PDC yang diketuai oleh saya dan juga beberapa mesyuarat yang diadakan di Pulau Pinang dengan bakal pelabur asing, beberapa cadangan sekarang berada di dalam tahap terakhir persediaan untuk pelaksanaan. Pada masa yang sama saya sendiri bersama-sama dengan PSDC telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan Universiti Sains Malaysia dan Universiti Multimedia Malaysia, atau MMU supaya menawarkan beberapa sesi taklimat teknikal mengenai *photonic* dan juga memulakan persediaan untuk menawarkan kursus-kursus latihan jangka masa pendek, *short term training courses* dan juga program ijazah di dalam *photonic* ini sebagai persediaan untuk masa hadapan yang dijangka akan bertumbuh dengan pesat. Satu lagi inisiatif yang diambil oleh PDC dan kerajaan negeri dalam tempoh setengah tahun kebelakangan ini dengan kerjasama MITI iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, MIMOS, dan juga FMM iaitu Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia, ialah penggubalan satu strategi untuk membolehkan industri kecil dan sederhana tempatan supaya berdaya saing secara *effective* dalam pasaran sedunia melalui penyertaan di dalam satu sistem pengurusan rangkaian bekalan sedunia atau dengan izin *Global Supply Change Management* dan komponen yang pertama dan yang penting sekali dalam strategi ini ialah untuk menggalakkan ataupun *jump start* IKS tempatan kita untuk menerima pakai satu sistem yang dikenali sebagai *Rosetta net* yang merupakan dengan izin satu *common masaging standard* untuk *supply chain management* melalui intenet yang baru saja diperkembangkan hanya 3 tahun dahulu. *Rosetta net* ini sekarang telah diterima pakai oleh 400 syarikat-syarikat multinasional yang terbesar di dunia dari Amerika Syarikat, Jepun, Eropah, Taiwan yang dalam bidang elektronik IT dan komunikasi yang bersama-sama di antara 400 syarikat ini hasil atau *revenue* mereka pada tahun 2000 iaitu tahun sudah adalah US1 trillion ataupun US1,000 billion pada tahun sudah termasuk juga syarikat-syarikat yang sekarang ada di Pulau Pinang. Oleh itu amatlah penting untuk IKS kita, Industri Kecil dan Sederhana kita supaya dapat menerima pakai sistem *Rosetta net* ini kerana sekarang Taiwan, Korea dan Singapura telah memulakan penerima pakaian sistem ini mulai penghujung tahun sudah dan awal tahun ini.

Oleh itu saya telah sempat untuk mengemukakan satu kertas kerja khas kepada Majlis IT Negara yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita dan kami memang berasa bertuah kerana cadangan ini telah diluluskan oleh Perdana Menteri dan telah diumumkan oleh beliau dalam belanjawan tahun 2000 dengan peruntukan geran awalan *initial grant* hanya RM5 juta dan juga insentif cukai kepada syarikat-syarikat supaya sebagai satu langkah permulaan untuk menggalakkan mereka dan untuk mewujudkan sistem ini di Malaysia tetapi bukan senang hendak mewujudkan sistem ini dan oleh itu kita sudah menawarkan PSDC sebagai ibu pejabat projek ini dan kita sekarang ini sedang bekerja rapat dengan MITI, MIMOS, FMM dan juga Pertubuhan *Rosetta net* Global, pertubuhan sedunia ini mengenai perkara-perkara pentadbiran dan teknikal supaya projek ini dapat dilaksanakan mulai tahun depan. Rangka masa pelaksanaan dan juga butir-butir lain akan diumumkan bersama oleh MITI dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak lama lagi kalau boleh pada bulan depan.

Dato' Speaker, inisiatif-inisiatif seumpama yang telah saya huraikan tadi mengenai *Photonic* dan *Rosetta net* dan juga penekanan terhadap peningkatan teknologi dan kemahiran bagi para pekerja kita seperti yang telah dihuraikan oleh Ahli Macang Bubok semalam merupakan strategi-strategi jangka masa panjang dan pendek untuk mendatangkan tranformasi perindustrian Negeri Pulau Pinang di samping untuk menangani krisis jangkamasa pendek, oleh itu walaupun kritikan membina memang amatlah di alu-alukan tetapi adalah tidak adil untuk mengatakan bahawa PSDP2 tidak kena atau sudah *out of date* sebelum ianya belum dilaksanakan.

Dato' Speaker, saya ingat kita haruslah merasa bangga bahawa Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang pertama yang menggubal dan mengimplimentasikan satu pelan strategik sepuluh tahun mengikut Wawasan-wawasan 2020 sebaik sahaja Wawasan 2020 diumumkan pada tahun 1991. Sekarang Pulau Pinang merupakan negeri yang pertama juga yang membahaskan pelan strategik sepuluh tahun secara terperinci di dalam Dewan ini. Sememangnya kemajuan atau pencapaian PSDP1 telah dirumuskan bukan sahaja di dalam jawapan kepada Dewan ini tetapi semasa pilihanraya 1999 dalam satu buku *report card* yang saya umumkan yang digunakan oleh semua ahli, semua calon Barisan Nasional termasuk Ahli Datok Keramat dan Ahli Bayan Lepas di mana menggunakan ini sebagai menunjukkan prestasi Kerajaan Negeri Barisan Nasional dan itulah salah satu sebab utamanya rakyat memberi keyakinan Kerajaan Barisan Nasional bersama-sama dan itulah sebabnya kita diberi satu mandat untuk meneruskan kerja kita dalam kerajaan negeri dan kami memang menerima mandat ini dengan penuh rendah diri, dengan penuh penghormatan dan kami berhasratlah untuk meneruskan kerja ini.

Saya tidak menafikan bahawa walaupun ada banyak yang tercapai yang juga ada banyak yang melebihi sasaran, kita sudah *exceed* yang *target* tetapi ada juga yang belum dapat dilaksanakan dengan sempurnanya dan ini memang kita mengakui sebagai kekurangan tetapi begitu juga untuk dasar dan strategi diperingkat kebangsaan misalnya Dasar Ekonomi Baru kita ada sasaran untuk membasmikan kemiskinan untuk menyusun semula masyarakat tetapi setelah dikaji semula sasaran ini, objektif ini masih diulang lagi, diulang-ulang dalam dasar pembangunan negara, dalam dasar wawasan negara, ini tidak bermakna kerajaan pusat pun sudah tidak berkemampuan, ini hanya menunjukkan bahawa sasaran untuk membasmikan kemiskinan, untuk menyusun semula masyarakat, untuk membekal perumahan kepada orang miskin merupakan satu sasaran yang terus kian bergerak *moving target* merupakan satu tanggungjawab yang berterusan yang harus kita sama-sama memikul dan kita memang tidak mungkin sebagai manusia untuk mencapai 100% tetapi saya tadi saya tunjukkan dalam perumahan kita capai 75% iaitu mengikut di sekolah gred mungkin sudah dapat B, kalau bukan A, mungkin sudah dapat A dalam kursus tertentu dan dari segi pertumbuhan ekonomi kita dapat lebih daripada 100%, kita melebihi sasaran sebab itu kita mestilah mempunyai satu pandangan yang lebih menyeluruh, yang lebih adil kepada kerajaan apa lagi Bertam tidak ada tetapi saya hendak menunjukkan bahawa Pelan Strategik Pembangunan Kedua ini sebenarnya lebih besar daripada Pelan Strategik Pembangunan Pertama dan dari segi bilangan muka surat pun angka-angka pun lebih teliti, ini menunjukkan kemajuan sekurang-kurangnya dalam penyediaan pelan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Penjelasan.

Ketua Menteri:

Nanti, sebelum itu.....(gangguan) okeylah bagilah.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Sikit saja, ini tertakluk kepada cara *print* PSDP1 yang dikeluarkan dulu sangat tebal tetapi kalau dia menggunakan *print* kecil dia jadi kecil sikit, jadi ini ada cara ..... (gangguan).

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, ini dia hendak bukan-bukan sebenarnya selain daripada yang ini ada banyak laporan-laporan teknikal setebal begitu dan kalau kita hendak bentangkan bahaskan semua tidak jadi sebab itu kita rumuskan walaupun dirumuskan kali ini kita membekalkan lebih banyak statistik. Ini adalah kerana dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, kita telah berjaya untuk memperkukuhkan lagi Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), walaupun terhad dari segi kakitangannya tetapi UPEN memang telah berkembang. Yang keduanya, kita telah menubuhkan SERI sebagai satu T10 yang bebas bagi kerajaan negeri memberi kritikan kepada kerajaan negeri mendapatkan maklum balas daripada rakyat, membuat analisa ekonomi di samping itu melalui PDC juga adalah sebuah anak syarikat PDC, DCT *Consultant* yang juga diberikan tugas untuk membuat konsultansi dan kedua-dua ini SERI dan DCT membantu UPEN dalam perancangan ekonomi. Saya berani mengatakan bahawa Negeri Pulau Pinang mempunyai satu mekanisma, satu jentera konsultansi yang cukup besar yang merangkumi professor-professor dari universiti termasuk juga anak-anak Pulau Pinang yang bertugas di beberapa universiti dan juga anak negeri lain yang berminat untuk membantu Negeri Pulau Pinang. Kita memanglah melalui proses dan mekanisma ini, sudah dapat maklum balas dari pandangan seluas mungkin untuk merangka satu pelan strategik dan di sini Dewan ini kita bentangkan secara terbuka untuk perbahasan dan saya ingat sikap terbuka ini, sikap konsultatif ini akan kita teruskan bukanlah setakat di Dewan ini sahaja tetapi di dalam masyarakat umum pun bila-bila masa ada apa-apa pandangan dan kritikan yang bernas dan membina kami mengalu-alukan dan itulah sikap Kerajaan Negeri Barisan Nasional dan mungkinlah ini sikap terbuka yang juga dihargai oleh rakyat dan sehingga sekarang ini kita beberapa kali telah diberi mandat, dan kita mestilah menghargai mandat yang diberi oleh rakyat ini supaya kita tidak menjadi angkuh, supaya kita terus menerima pandangan yang positif tetapi lebih penting lagi kita memainkan peranan yang positif bersama-sama dengan rakyat, dengan kerajaan untuk menjamin bahawa masa hadapan, sepuluh tahun yang akan datang akan terus cerah walaupun dilanda oleh berbagai cabaran. Dengan ini Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada semua ahli yang telah mengambil bahagian. Terima kasih.

Dato' Speaker:

Terima kasih Y.A.B. perbahasan telahpun selesai saya mengucap terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian. Bagi saya rancangan PSDP2 ini macam kita ada kereta, kereta pun kadang-kadang kita buat *renovation*, buat *modification*, kalau rumah kita buat renovation. KOMTAR pun sudah berapa kali buat ubahsuai, *structuring renovation*, Dewan ini pun buat *renovation*, jadi itulah PSDP2.

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul bahawa Dewan ini meluluskan Pelan Strategik Pembangunan Pulau Pinang yang kedua (PSDP2) yang dibentangkan sebagai risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan Lapan Tahun 2001 dan menetapkan bahawa dokumen tersebut selepas mengambil kira pandangan yang dikemukakan dalam Dewan ini hendaklah digunakan oleh kerajaan negeri sebagai panduan bagi tujuan perancangan strategik pembangunan Negeri Pulau Pinang untuk tempoh 2001 hingga 2010 dipersetujui.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Barisan Nasional:

"Ya."

Dato' Speaker:

"Ya," lebih banyak. Usul dipersetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.30 pagi 5 November 2001.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.35 pagi.